

Tak boleh tengok orang susah



Ah Yong (tengah) bersama Pegawai Perubatan Hospital Banting, Dr Goh Yun Bul menzirahai pesakit di Hospital Banting.

Ah Yong kongsi suka duka buat kerja kebajikan

Fasih berbahasa Melayu dan aktif menolong mereka yang memerlukan merupakan antara faktor Chow Siew Weng, 48, disenangi masyarakat berbilang kaum dan baginya, membantu orang lain adalah tanggungjawab setiap individu.

Siew Weng atau lebih mesra dipanggil Ah Yong sememangnya memiliki jiwa kental sebagai sukarelawan bersama pelbagai badan serta agensi dan telah bersifat aktif dalam bidang itu sejak berusia 17 tahun.

Kerana itulah dia kini memanggil pelbagai jawatan sukarelawan termasuk Ahli Lembaga Pengaruh Hospital Banting, Bendahari Agensi Antidadah

Kebangsaan (AADK), ahli Sukarelawan Bencana Daerah Kuala Langat, ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) Zon 22 dan Timbalan Pengurus Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Dun 11.

"Saya terpanggil untuk buat kerja kebajikan apabila beberapa kali kenalan minta tolong cari orang susah. Masa itu saya buat suka-suka sahaja dengan niat nak bantu kawan tapi lama-lama, rasa suka tolong orang."

"Sejak itu juga bila dapat tahu ada orang susah, saya sendiri cuba tolong dapatkan bantuan," katanya.

Menurutnya, pernah suatu ketika ada pesakit memerlukan dana untuk menjalani pembedahan dan dia menyebarkan maklumat

berkenaan kepada kenalan-kenalan rapatnya menerusi aplikasi WhatsApp.

"Tak sangka pula dana yang dikumpulkan mencukupi dan individu berkenaan dapat menjalani pembedahan," katanya.

Sepanjang menjadi sukarelawan, dia juga pernah dilugut sehingga terpaksa membuat laporan polis.

"Masa itu pilihan raya dan sebelum Tahun Baru Cina. Jadi banyak kerja-kerja sukarela yang saya lakukan.

"Tak sangka pula usaha murni yang dijalankan disalah erti. Apa pun saya bersyukur keluarga saya selamat dan sehingga ke hari ini saya masih aktif membantu masyarakat," katanya.

Orangakita

Lagu ABC Didi & Friends ditonton seramai 14 juta viewer di YouTube!

Hadiakan koleksi buku mengenal dan menulis huruf besar, huruf kecil dan mengira 123 Didi & Friends kepada anak-anak anda!

- ★ Buku ini mempunyai ilustrasi hitam dan putih yang memudahkan aktiviti mewarna.
- ★ Disertakan dengan pelbagai aktiviti lain yang menarik!
- ★ Buku 64 halaman ini sesuai digunakan di rumah dan di sekolah untuk membina kemahiran asas membaca dan mengira!

Didi & Friends

Hora Horey!

RM 9.00 senaskah

CEPAT DAN MUDAH...
Kini anda boleh buat pembelian secara online menerusi aplikasi whatsapp.

CUMA PERLU WHATAPP

1. Tajuk Novel/Buku:
2. Kuantiti :
3. Nama Anda :
4. No. Tel Anda :
5. Alamat :

KE NOMBOR
019-2297227
<https://mall.karangkraf.com/>

www.karangkraf.com.my

karangkraf mall

f / Karangkraf Mall

Instagram: @karangkraf_mall